

**PERSEMBAHAN UCAPAN  
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MALAM ANUGERAH CENDEKIA BITARA 2011  
PADA HARI SABTU, 28 APRIL 2012, PUKUL 8.30 MALAM  
DI MERANTI BALLROOM, HYATT REGENCY KUANTAN RESORT,  
KUANTAN**

---

**SALUTASI DIRAJA**

*Bismilillahirrahmanirrahim,*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Menghadap:

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang

Tengku Abdullah al-Haj ibni Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta'in

Billah;

Menghadap:

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang

Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti al-Marhum  
Sultan Iskandar al-Haj;

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
Sembah patik mohon diampun.

### **SERU BUKAAN**

1. Dengan penuh hormat dan takzimnya, patik dan warga Universiti Malaysia Pahang menyembahkan semulia ucapan menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua ke Malam Anugerah Cendekia Bitara 2012 ini.
2. Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Tuanku berdua menambahkan lagi seri majlis pada malam ini. Apatah lagi, penganjuran Malam Anugerah Cendekia Bitara edisi keempat ini turut dilatari dengan kemeriahan sambutan sedekad UMP, yang genap berusia 10 tahun pada 16 Februari 2012 yang lalu.

2. Patik sekalian juga menjunjung tinggi kepimpinan Kebawah Duli Tuanku sebagai Canselor Universiti ini yang sentiasa peka dan prihatin terhadap perkembangan dan kemajuannya dari semasa ke semasa.
3. Malam Anugerah Cendekia Bitara merupakan suntingan semangat untuk warga UMP berkarya dengan kreativiti dan inovasi, mencipta kelainan dan seterusnya menghasilkan kecemerlangan yang tiada taranya.
4. Sesungguhnya, tiadalah apa yang lebih bernilai sebagai tanda mutu sesebuah universiti melainkan ketinggian ilmu pengetahuan dan intelektualisme para cendekiawannya.
5. Justeru, sukacita patik menyembah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Tuanku bahawa terdapat peningkatan yang amat signifikan dalam jumlah pencalonan dan pemenang bagi Anugerah Cendekia Bitara kali ini.

## **KECEMERLANGAN MELALUI PENYELIDIKAN**

6. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
Sembah patik mohon diampun;

Kecemerlangan penyelidikan yang menatijahkan manfaat sejagat menjadi fokus utama patik sekalian di Universiti ini. Justeru, usaha proaktif untuk memasyarakatkan UMP melalui kecemerlangan penyelidikan dipandu oleh budaya kerja unggul yang berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan berpandukan prestasi.

7. Sehingga 18 April 2012, sebanyak 124 projek penyelidikan sedang dijalankan di UMP dengan nilai geran sebanyak RM 5.823 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 3.274 juta merupakan peruntukan geran dalaman UMP manakala baki RM 2.549 juta datang dari sumber geran luar.

8. Dari sudut penerbitan ilmiah, sepanjang tahun 2011, sebanyak 130 artikel telah dihasilkan dan telah diterbitkan dalam jurnal-jurnal yang berwasit. Selain itu, sebanyak 12 judul buku dan 12 modul serta manual turut diterbitkan di Universiti ini.
  
9. Menyedari keperluan untuk memelihara kepentingan Universiti terhadap produk penyelidikan yang dihasilkan, maka permohonan hak harta intelek sentiasa diberikan perhatian yang serius. Justeru, sepanjang tahun 2011, sebanyak UMP telah mengemukakan 57 permohonan paten, enam permohonan hak cipta, empat permohonan cap dagangan dan satu permohonan rekabentuk industri untuk didaftarkan.

10. Pencapaian para penyelidik UMP dalam Pertandingan-pertandingan Penyelidikan peringkat kebangsaan dan antarabangsa juga amat membanggakan. Sukacita patik menyembah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku bahawa penyertaan UMP dalam pertandingan-pertandingan tersebut sepanjang 2011 telah menghasilkan kemenangan sepuluh pingat emas, tujuh pingat emas dan 14 pingat gangsa.
  
11. Malah, penyertaan pasukan penyelidik UMP dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik dalam *International Salon of Invention & Innovation Technologies* (ARCHIMEDES 2011) di Moscow, Rusia pada 5 hingga 8 April 2011 telah turut meraih *Special Award*. Anugerah tersebut diterima oleh mereka bagi projek "*A Cellular Energy Management System for Monitoring and Controlling based on Time of Power Consumption.*"

12. Pengkomersilan penyelidikan memberikan nilai tambah yang tidak sedikit kepada kelestarian kewangan Universiti ini. Malah, aspek ini dilihat amat berdaya saing untuk memenuhi strategi yang telah digariskan dalam konteks bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) kedua iaitu Kelestarian Kewangan.
  
13. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 12 projek menerima geran pra-pengkomersilan berjumlah RM 220 ribu. Dalam tahun 2011 juga, sebanyak lima projek penyelidikan kontrak bernilai RM 1.54 juta telah dijalankan. Kelima-lima projek tersebut merupakan kerjasama dengan agensi luar termasuklah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Pahang (LKPP), SIRIM Berhad, Indah Water Konsortium Berhad dan Universiti Kuala Lumpur.

## **MEDAN PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN**

14. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
Sembah patik mohon diampun;

Pencapaian-pencapaian yang telah disembahkan tadi merupakan manifestasi iltizam berterusan warga Universiti ini untuk membudayakan kecemerlangan melalui aktiviti ilmiah dan berkesarjanaan.

15. **Insya-Allah**, berkat nasihat Kebawah Duli Tuanku sebagai Canselor dan keprihatinan Lembaga Pengarah Universiti, patik dan pihak pengurusan Universiti ini sentiasa komited untuk mengisi tuntutan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015.

16. Dengan strategi yang telah dirangka dan inisiatif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan, patik sekalian menaruh keyakinan bahawa aktiviti penyelidikan, penerbitan dan inovasi secara terancang adalah antara katalis utama yang memacu kecemerlangan Universiti ini.

17. Justeru, sebagai sebuah medan pengiktirafan yang berprestij, Malam Anugerah Cendekia Bitara direkabentuk sebagai sebuah acara tahunan dengan wibawanya yang tersendiri.
  
18. Dengan standard kriteria, penilaian dan syarat pemilihan yang berintegriti, anugerah ini menampilkan dua bentuk pengiktirafan iaitu Anugerah Cendekia Bitara dan Hadiah Sanjungan. Sebanyak tujuh kategori telah ditetapkan bagi tujuan pengiktirafan ini iaitu Tokoh, Penerbitan (Jurnal), Penerbitan (Buku), Produk Penyelidikan, Kreativiti, Kualiti dan Paten.

## **ALU-ALUAN KEPADA DIF-DIF**

19. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
Sembah patik mohon diampun;

Patik mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku bagi patik merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada tetamu-tetamu yang hadir:

- Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi;
- Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang;
- Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang;
- Yang Hormat Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang;

- Yang Hormat Dato'-Dato'
- Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan;
- Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

## **KATA PENUTUP**

20. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
Sembah patik mohon diampun,

Sekianlah sahaja persembahan ucapan patik pada malam ini.  
Patik merafak sembah memohon ampun dan maaf jika ada  
terdapat kesilapan tutur bicara di dalam persembahan ucapan  
patik sebentar tadi.

22. Selanjutnya patik berdoa ke hadrat Allah Taala moga-moga  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang; Duli Yang  
Maha Mulia Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom;  
Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang;  
Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang;  
Yang Amat Mulia Paduka-paduka Anakanda Putera dan Puteri  
serta Yang Mulia Paduka-paduka Cucunda Putera dan Puteri  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang sentiasa di  
dalam aman sentosa, sihat walafiat serta dilanjutkan usia.  
Amin.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun,

Sembah Patik Mohon Diampun;

*Wabillahi taufiq walhidayah,*

*wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*